

AZMAH Abd. Manaf
Universiti Sains Malaysia

PERKEMBANGAN POLITIK DAN KESANNYA KE ATAS PEMBANGUNAN EKONOMI TERENGGANU, ANTARA TAHUN 1955 HINGGA 1969

POLITICAL DEVELOPMENTS AND ITS IMPACT ON ECONOMIC GROWTH OF TERENGGANU, FROM 1955 TO 1969

Perkembangan politik dan pembangunan ekonomi adalah perkara yang berkait dan ianya terpancar dalam sejarah politik dan ekonomi negeri Terengganu. Sejak pilihan raya pertama yang diadakan pada 1955 sehingga pilihan raya tahun 1969, rakyat Terengganu telah menunjukkan keprihatinan mereka ketika memilih pemimpin-pemimpin yang dirasakan mampu membangunkan Terengganu secara fizikal mahupun kerohanian. Artikel ini melihat sikap serta kepekaan rakyat Terengganu dalam menilai prestasi dan keperibadian pemimpin politik yang telah dipilih untuk mewakili mereka. Perbincangan artikel ini berkisar kepada perkembangan politik yang bermula daripada pilihan raya-pilihan raya yang diadakan dalam tempoh tersebut. Perbincangan ini adalah berasaskan sumber daripada dokumen kerajaan dan koleksi peribadi dan hasilnya menunjukkan bahawa parti yang dipilih untuk memerintah negeri dinilai oleh rakyat dari segi kejayaan mereka mencapai matlamat seperti yang dijanjikan dalam manifesto pilihan raya. Dalam manifesto parti-parti politik yang bertanding, aspek ekonomi merupakan antara isu penting yang ditekankan untuk meraih sokongan rakyat. Fokus artikel ini adalah kepada perkembangan ekonomi Terengganu dalam menilai prestasi parti yang memerintah. Hasil kajian ini mendapati perkembangan ekonomi dan prestasi pemimpin yang dipilih adalah menjadi keutamaan rakyat Terengganu dan ianya diterjemahkan dalam peti-peti undi pilihan raya.

Kata kunci: sejarah Terengganu, politik, pilihan raya, parti politik, perkembangan ekonomi, orang Melayu, Islam.

The political and economic development was related apparently in the political and economic history of Terengganu. Since the first elections held in 1955 until the election of 1969, the people of Terengganu have shown their concern when choosing leaders whose they trust to develop the state, both physically and spiritually. This paper aims

to assess the attitudes and sensibilities of the people Terengganu in assessing the performance and personality of the political leaders who have been elected to represent them. The discussion in this paper is centered on the political developments ranging from elections held during the period. This discussion is based on government documents and resources from private collections and the results show that the ruling party will be evaluated by their success in achieving the goals as promised in the election manifestoes. In the manifestoes of the political parties contesting, the economic aspect is one of the key issues highlighted to gain support. Hence, the focus of this paper is to evaluate the economic development of Terengganu and the performance of the ruling party. This study found that economic development and the performance of elected leaders is a priority of the people Terengganu in choosing their political leaders and it was show in the electoral boxes.

Keywords: *history of Terengganu, politics, elections, political parties, economic growths, Malays, Islam*

Pengenalan

Perkembangan politik dan ekonomi di sesebuah negeri sangat berkait rapat, sama ada perkembangan politik mempengaruhi perkembangan ekonomi atau sebaliknya. Namun di Kelantan dan Terengganu terdapat satu lagi elemen yang penting yang saling berkait dengan perkembangan politik dan juga ekonomi iaitu agama, dalam konteks ini agama Islam. Sejarah awal Terengganu menggambarkan bahawa keislaman rakyatnya tidak boleh menandingi masyarakat Islam di negeri-negeri Melayu yang lain hatta di Kelantan sekalipun (Clifford 1938:115). Islam boleh dikatakan menjadi unsur penting pada awal-awal tahun kemerdekaan negeri itu dalam Persekutuan Tanah Melayu. Keadaan ini boleh digambarkan dalam keputusan pilihan raya umum pertama diadakan selepas merdeka (1959). Bagaimanapun pada tahun berikutnya, faktor ekonomi kemudiannya dipercayai telah mempengaruhi perkembangan politik negeri itu.

Makalah ini bertujuan menggarap hubungan erat yang terjalin antara ketiga-tiga aspek tersebut dalam pencernaan politik Terengganu selepas merdeka sehingga tahun 1964 iaitu selepas pilihan raya kedua. Ia juga akan memperlihatkan betapa rakyat Terengganu sangat peka dengan isu-isu semasa yang berbangkit dalam negeri tersebut sehingga mempengaruhi penilaian mereka ketika memilih wakil rakyat dalam pilihan raya yang diadakan setiap lima tahun sekali. Penulisan tentang Terengganu pada zaman moden tidak dinafikan telah mendapat perhatian daripada sarjana sama ada daripada bidang sains politik,¹ sejarah² mahupun Islam (Muhammad Abu Bakar 1991).

Walaupun bagaimanapun kebanyakan daripada kajian ini tertumpu kepada sejarah Terengganu sebelum dan semasa Inggeris serta semasa pendudukan Jepun. Hanya M. Kamlin, Hussien Mohammad dan Adnan Mohd Nor sahaja yang menumpukan kajian mereka terhadap politik Terengganu sejurus sebelum kemerdekaan sehingga tahun 1970. Berbeza dengan tulisan yang disebutkan tadi, tulisan ini bukan sahaja berbincang tentang politik tetapi juga hubungannya dengan perkembangan ekonomi antara 1955 hingga 1969.

Perkembangan Awal Politik Terengganu

Secara umumnya boleh dikatakan bahawa perkembangan politik di Terengganu agak lambat berbanding negeri lain. Meskipun Terengganu menerima tempas gerakan Islah Islamiyah yang melanda Tanah Melayu seawal abad ke 20, namun ia tidaklah serancak dan sehebat negeri lain. Meskipun sekolah pondok banyak diusahakan oleh ulama terkenal Terengganu seperti Tok Pulau Manis, Tuan Guru Haji Hussein, Tuan Guru Haji Muhammad dan Haji Mat Shafie, namun, tidak dapat dipastikan arah haluan pendidikannya, sama ada hanya memberikan pendidikan agama semata-mata atau lebih daripada itu seperti yang diberikan di madrasah kelolaan golongan islah Islam. Tidak dapat dinafikan bahawa ulama memainkan peranan yang besar dalam istana dan pentadbiran negeri Terengganu,³ tetapi penglibatan tokoh agama dalam politik kepartian khususnya hanya menyerlah pada dekad 50-an sahaja apabila cawangan United Malays National Organization (UMNO) dan Parti Islam Se Malaysia (PAS) ditubuhkan di negeri itu. Telah dicatatkan bahawa persatuan Sarekat Islam yang berasal dari Solo Jawa pernah bertapak di Terengganu pada awal 1920-an tetapi ia lebih bersifat pergerakan ekonomi biarpun keahliannya mencecah angka 800 orang (Abdullah Zakaria Ghazali 1977:21; Shaharil Talib Robert 1984:149).

Sarekat Islam walaupun bagaimanapun tidak dapat berkembang akibat larangan yang dikeluarkan oleh pihak istana kepada rakyat Terengganu agar tidak melibatkan diri dengan persatuan itu (Abdullah Zakaria Ghazali 1977:21) walaupun terdapat ulama pondok yang mempunyai hubungan baik dengan persatuan ini seperti Tuan Guru Haji Muhammad (Muhammad Abu Bakar 1991:69). Perkembangan pengaruh gerakan islah Islamiyah yang melanda Tanah Melayu sejak awal abad ke-20 tidak begitu dirasakan oleh masyarakat Islam Terengganu. Barangkali perkara ini terjadi bersabit dengan tindakan kerajaan Terengganu mengharamkan kemasukan suratkhbar dan majalah terbitan Kaum Muda (Mohd Sarim Haji Mustajab 1979:127). Malahan konflik dan pergeseran antara Kaum Muda yang diwakili oleh tokoh gerakan Islah dengan ulama tradisional Melayu yang digelar sebagai Kaum Tua tidak kedengaran di negeri itu.

Ketika Kesatuan Melayu Muda (KMM) ditubuhkan dan aktif dalam politik Tanah Melayu, ia telah berjaya menarik sebilangan anak muda dari

Terengganu untuk menyertainya. Antara mereka ialah tokoh nasionalis yang tidak asing lagi dalam sejarah politik Terengganu iaitu Ibrahim Fikri. Besut merupakan antara daerah pertama yang menyambut baik perjuangan KMM ini walaupun pergerakannya tidak seaktif di negeri lain. Sambutan daripada golongan berpendidikan Islam terhadap KMM walau bagaimanapun agak hambar kerana falsafah perjuangan parti itu yang mengiktiraf kebebasan dalam hal-ehwal agama.⁴ Senario tersebut menunjukkan bahawa rakyat Terengganu secara keseluruhannya tidak begitu berminat dalam hal-hal politik terutamanya dalam politik kepartian. Perkembangan pendidikan moden yang begitu perlahan di negeri Terengganu barangkali boleh dikaitkan dengan situasi ini. Sikap ini menjadi lebih jelas apabila persatuan-persatuan Melayu didapati telah ditubuhkan satu demi satu di negeri Melayu yang lain pada tahun 1930-an, tetapi di Terengganu ia hanya berjaya ditubuhkan selepas Jepun berundur daripada Tanah Melayu.

Walau bagaimanapun, masyarakat Islam Terengganu didapati bersikap terbuka dan memberikan kerjasama yang baik kepada gerakan yang dicetuskan oleh golongan ulama. Contohnya dalam gerakan protes kaum tani yang tercetus pada 1925-1928 menentang kerajaan British berkaitan dengan undang-undang tanah dan cukai yang baru diperkenalkan. Tuan Haji Abdul Rahman Limbong, seorang ulama tempatan yang terkenal dikatakan telah mempengaruhi petani terlibat supaya tidak tunduk kepada undang-undang berkenaan sehingga mencetuskan gerakan penentangan. Peristiwa kedua ialah gerakan memboikot kedai-kedai milik orang Cina dan Jepun dalam gerakan anti Cina dan anti Jepun pada tahun-tahun 1930an yang diilhamkan oleh Tuan Guru Haji Abbas, seorang ulama dan guru pondok yang terkenal di Terengganu. Keberkesanan kempen itu terbukti apabila beberapa buah kedai milik orang Cina dan Jepun mengalami kerugian dan ada pula yang terpaksa ditutup (Muhammad Abu Bakar 1991:224). Keadaan ini boleh dikaitkan dengan kuatnya pengaruh golongan agama dalam kalangan masyarakat Islam Terengganu dan juga kerana perkembangan pendidikan agama yang didominasi oleh institusi pondok dan madrasah.

Seperti di negeri-negeri lain, perkembangan politik Terengganu semasa pendudukan Jepun hanya tertumpu kepada KMM yang mendapat pengiktirafan daripada kerajaan Jepun atas sikap kerjasama yang ditunjukkan. Namun, menjelang akhir pendudukan Jepun, KMM telah diharamkan dan digantikan dengan parti politik yang lebih bersifat sederhana. Namun ia gagal dalam meraih sambutan daripada rakyat Terengganu. Perkembangan politik selepas pendudukan Jepun di Terengganu menunjukkan sedikit perubahan apabila parti-parti politik kiri yang ditubuhkan seperti Parti Kebangsaan Melayu Malaya (Malay Nasionalist Party) dan Hizbul Muslimin berjaya meluaskan pengaruhnya di Terengganu khususnya di Besut dan Kuala Terengganu Safar Awang (1984:203-204). Penubuhan UMNO pada 1946 juga telah berjaya menarik minat orang-orang Melayu untuk bergiat dalam politik

apabila cawangan parti itu berjaya ditubuhkan di serata daerah di Terengganu seawal tahun 1947.

Bagaimanapun dengan adanya sekatan untuk berpolitik di bawah Undang-undang Darurat yang diisytiharkan pada Julai 1948 yang mengharamkan parti politik berhaluan kiri seperti PKMM dan Hizbul Muslimin, tumpuan politik orang-orang Terengganu hanyalah terhadap UMNO. Justeru, apabila pilihan raya umum pertama diadakan pada 1955, maka UMNO di Terengganu menang dengan selesa. Parti Negara yang ditubuhkan pada awal dekad 50-an tidak begitu mendapat sambutan sehinggalah menjelang pilihan raya 1959 apabila Dato' Onn bertanding di negeri berkenaan bagi kerusi parlimen. PAS walaupun telah wujud dalam arena politik Tanah Melayu sejak 1951 tetapi di Terengganu ia lewat berkembang. PAS hanya dapat bertapak di negeri itu pada 1956.⁵ Pengaruh UMNO yang begitu kuat barangkali menjadi punca utama mengapa tiada usaha dalam kalangan orang Melayu Terengganu untuk menubuhkan cawangan PAS di negeri itu ataupun kerana masyarakat Melayu di Terengganu lebih memfokuskan perhatian mereka kepada aktiviti pencarian sara hidup sebagai rutin utama memandangkan Terengganu bukanlah sebuah negeri yang kaya dengan sumber ekonominya.

Menjelang pelaksanaan sistem pilihan raya bagi memilih wakil rakyat yang akhirnya akan membentuk kerajaan negeri dan persekutuan, parti politik yang telah sedia wujud mula melebarkan sayapnya ke serata Tanah Melayu manakala parti baru pula tumbuh satu persatu dengan pelbagai slogan dan falsafah perjuangan. Parti Melayu yang telah lama bertapak seperti UMNO dan juga Parti Negara di bawah pimpinan Dato' Onn bin Jaafar terus mencari pengaruh di Terengganu yang mana rakyat Terengganu menerima baik kehadiran kedua-dua parti berkenaan. Sementara itu, PAS yang telah ditubuhkan pada 1951 belum dapat bertapak di Terengganu ketika pilihan raya pertama diadakan pada 1955. Natijahnya, UMNO melalui gabungan Parti Perikatan telah menyapu bersih kesemua kerusi yang dipertandingkan, bukan sahaja untuk kerusi negeri malah untuk kerusi parlimen juga. Ternyata, pengaruh UMNO yang telah bertapak di negeri Terengganu sejak 1946 lagi itu telah memberikan pulangan yang tidak sedikit dalam pilihan raya pertamanya di negeri itu.

Ekonomi Terengganu Sebelum Merdeka

Terengganu banyak bergantung kepada hasil hutan dan perikanan yang bercorak sara diri. Bagaimanapun, perkembangan zaman telah memperkenalkan Terengganu dengan pertanian komersial. Kedatangan Inggeris yang menggalakkan ekonomi eksport sedikit sebanyak telah menarik syarikat asing untuk mengusahakan tanah sama ada untuk tujuan perlombongan mahupun pertanian komersial. Namun begitu, pada pendapat Residen Inggeris (J. L. Humpreys) sistem konsesi tanah yang diamalkan oleh

keluarga diraja Terengganu (Shaharil Talib Robert 1984), sedikit sebanyak telah membantutkan minat pelabur asing untuk datang mengusahakan tanah di negeri itu di samping ketidakcekapan Jabatan Ukur dan Tanah negeri.⁶ Boleh dikatakan bahawa kerajaan Terengganu telah melakukan pelbagai usaha untuk membantu meningkatkan prestasi ekonomi negeri itu dan boleh dikatakan berhasil kerana negeri itu tidak menanggung hutang yang banyak⁷ dan setiap tahun kerajaan negeri berupaya membayar balik pinjaman wang kepada kerajaan Negeri-Negeri Selat.

Ekonomi Terengganu yang mula bangkit selepas dunia dilanda krisis ekonomi pada tahun 1930an, bagaimanapun mengalami kemerosotan apabila negeri itu berada di bawah taklukan kerajaan Jepun. Walaupun Terengganu merupakan antara negeri pengeluar beras selain daripada Kedah, Perlis dan Kelantan, rakyatnya tetap mengalami masalah kekurangan beras akibat catuan beras yang dikenakan oleh kerajaan Jepun. Rakyat Terengganu bukan sahaja berhadapan dengan masalah kemiskinan akibat kemusnahan semasa perang tetapi juga berhadapan dengan masalah kebuluran dan kematian akibat kekurangan makanan, sesuatu yang lumrah dalam zaman pemerintahan Jepun. Sedar akan perkara ini, pemerintah Jepun cuba melancarkan beberapa projek ekonomi, antaranya memberi bantuan benih dan baja serta member keizinan tanah dikerjakan secara percuma untuk beberapa tahun. Namun begitu akibat kemiskinan yang teruk, semangat rakyat Terengganu menurun dan mereka tidak berminat untuk menyertai program tersebut, sebaliknya mengharapkan kerajaan Jepun membantu mereka daripada segi wang ringgit dan makanan yang memang sangat diperlukan.⁸ Sehingga apabila Inggeris datang kembali selepas perang tamat, ekonomi Terengganu masih belum berkembang. Ancaman serangan komunis sejak 1948 yang berhasrat besar untuk melumpuhkan ekonomi Tanah Melayu telah menambah burukkan keadaan.

Sehingga tahun 1950, banyak skim atau perancangan ekonomi yang diperkenalkan di Terengganu khususnya dan Tanah Melayu amnya. Namun skim yang diperkenalkan itu tidak begitu berjaya kerana dilaporkan skim-skim yang hendak dilaksanakan itu tidak mendapat kerjasama sepenuhnya daripada rakyat Terengganu khususnya orang-orang Melayu.⁹ Walaupun laporan berkenaan barangkali boleh dianggap sebagai sesuatu yang berat sebelah, tidak dapat dinafikan bahawa perkembangan ekonomi Terengganu agak lembab sehingga negeri itu mencapai kemerdekaan di bawah gagasan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957.

Perkembangan Ekonomi selepas Merdeka sehingga 1959

Sebagai kerajaan negeri yang pertama kali diberi mandat memerintah, kerajaan Perikatan menerusi UMNO tidak hanya berusaha untuk mengukuhkan kedudukan partinya tetapi juga berusaha untuk memenuhi janji yang telah dinyatakan dalam manifesto pilihan raya terutamanya berkaitan dengan

pembangunan tanah dan ekonomi negeri itu. Usaha-usaha itu boleh ditinjau pada perancang-perancangan ekonomi yang telah disusun oleh kerajaan negeri. Pada peringkat awal pemerintahan, kerajaan pimpinan UMNO ini telah memberikan tumpuan kepada pembangunan ekonomi negeri dengan mengkaji semula dasar-dasar dan rancangan ekonomi yang telah dilancarkan untuk melihat keberkesanan dan masalah yang timbul hingga membantutkan usaha perkembangannya. Sasaran pertama Ibrahim Fikri dan Jawatankuasa kerja kerajaan negeri ialah berkenaan dengan penanaman getah secara besar-besaran yang terencat berikutan dengan masalah agihan tanah yang tidak ekonomi kepada petani-petani yang menyertai skim berkenaan,¹⁰ justeru agihan tanah yang tidak sampai lima ekar luasnya kepada peserta telah dikaji semula.

Salah satu cara bagi mengatasi masalah kegagalan dalam penanaman getah, kerajaan menerusi pejabat tanahnya telah berusaha meluluskan permohonan tanah yang dibuat sama ada oleh individu atau kumpulan untuk menanam getah mahupun padi semaksimal yang boleh. Sebagai contoh, pada bulan Januari 1956, Pejabat Pertanian Kuala Terengganu telah meluluskan permohonan tanah sebanyak 584.477 ekar untuk tanaman getah, 54.147 ekar untuk padi dan 200.073 ekar untuk tanaman buah-buahan tempatan. Angka ini telah meningkat kepada 1088.016 ekar untuk tanaman getah dan 61.169 ekar untuk padi pada bulan Disember tahun yang sama.¹¹ Pemberian tanah ini telah meningkatkan penggunaan tanah untuk pertanian terutamanya untuk padi apabila tanaman itu telah mengalami peningkatan daripada 43,169 ekar pada 1955 kepada 44,624 pada 1957 dan terus meningkat ke angka 49,915 tahun berikutnya.¹² Perluasan penggunaan tanah telah meningkatkan hasil padi. Peningkatan ini turut dibantu oleh usaha-usaha lain seperti pemberian subsidi baja dan biji benih yang berterusan yang melibatkan tanah di seluruh negeri.

Untuk memantapkan lagi bidang pertanian ini, teknologi pertanian terkini cuba diperkenalkan. Hasilnya, kerajaan telah mendirikan Pusat Latihan Luar Bandar di Ajil yang dikhususkan untuk melatih belia-belia Melayu dengan teknik pertanian dan penternakan baharu yang mampu menghasilkan produk yang baik dan bermutu.¹³ Pada setiap tahun pusat ini akan melatih dua belas orang belia daripada setiap daerah selama dua minggu untuk menghasilkan petani dan penternak terlatih. Penubuhan pusat latihan ini sebenarnya sejajar dengan matlamat pari Perikatan yang terkandung di dalam manifesto pilihan raya mereka iaitu dalam perkara lima: “memberi ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pertanian secara berterusan.”¹⁴ Sudah tentu hal ini merupakan salah satu strategi untuk terus mendapatkan sokongan masyarakat Terengganu.

Apabila kerajaan Persekutuan melancarkan rancangan penerokaan tanah baru yang diberi nama FLDA (Federal Land Development Authority) atau dikenali sebagai FELDA pada tahun 1956, kerajaan negeri Terengganu tidak menunggu masa yang lama untuk membuka tanah baharu di bawah rancangan itu kerana rancangan berkenaan dibiaya sepenuhnya oleh kerajaan

persekutuan. Tanah seluas empat ribu ekar di Chalok, daerah Besut telah dikenalpasti untuk tanaman getah di bawah rancangan ini. Seramai 400 keluarga Melayu telah dipilih untuk menyertai rancangan ini. Boleh dikatakan bahawa secara tidak langsung, rancangan penerokaan tanah ini telah memberikan manfaat yang tidak sedikit bukan sahaja kepada pembangunan tanah dan ekonomi negeri tetapi juga kepada orang-orang Melayu yang terpilih kerana di bawah rancangan ini, segala kemudahan awam dan infrastruktur akan turut dibina. Dalam masa yang sama tanah seluas 548 ekar telah diperuntukkan kepada 91 keluarga di Sungai Tong, Kemaman untuk projek menanam getah.¹⁵ Tiga tahun kemudian satu lagi tanah baru di buka untuk rancangan FELDA iaitu di Jerangau daerah Ulu Terengganu yang membabitkan sepuluh ribu ekar tanah untuk tanaman kelapa sawit.¹⁶

Untuk mengurangkan masalah penanaman padi sawah dan dalam masa yang sama merencanakan aktiviti penanamannya, kerajaan negeri menerusi Jabatan Parit dan Taliair telah membina tali air untuk tanaman padi seluas 31,496 ekar di kawasan Batu Burok, Kuala Terengganu.¹⁷ Usaha kerajaan ini sudah pasti akan dapat membantu meningkatkan dan seterusnya memperbaiki taraf hidup rakyat Terengganu terutamanya masyarakat Melayu yang sejak dahulu lagi sentiasa berada dalam lingkungan garis kemiskinan terutamanya yang tinggal di luar bandar. Keperihatinan kerajaan negeri juga terarah kepada penduduk kampung yang tidak memiliki tanah. Kerajaan telah memutuskan untuk menghadiahkan sebidang tanah kepada 50 keluarga yang didapati tidak memiliki tanah di Kampong Sekayu, Mukim Tersat.¹⁸

Kerajaan Perikatan juga tidak melupakan sektor perikanan yang menyumbang kepada ekonomi negeri melalui eksport ikan segar dan ikan kering bagi tujuan meningkatkan jumlah tangkapan ikan di laut dalam, kerajaan negeri telah membenarkan penggunaan pukot lekong. Walau bagaimanapun penggunaan pukot jenis ini yang pernah diharamkan semasa pentadbiran British dahulu telah menimbulkan ketegangan pada kalangan nelayan pantai.¹⁹ Hal Ini kerana, penggunaan pukot lekong akan memberi kesan negatif kepada hidupan laut dan akan membuatkan ikan-ikan pantai pergi ke tempat lain dan sekaligus menyukarkan nelayan pantai untuk menangkap ikan. Biarpun bantahan dibuat melalui surat²⁰ namun penggunaan pukot tersebut terus dibenarkan. Langkah ini telah menimbulkan perasaan tidak puas hati nelayan pantai yang kebanyakannya adalah ahli dan penyokong UMNO sehingga mendorong mereka untuk keluar parti seandainya Ibrahim Fikri terus dilantik sebagai ketua UMNO Kuala Terengganu.

Boleh dikatakan bahawa dalam tempoh lima tahun pemerintahannya, kerajaan Perikatan telah melakukan pelbagai usaha untuk meningkatkan ekonomi negeri dan dalam masa sama meningkatkan punca pendapatan rakyatnya. Dari segi survival politiknya, dominasi UMNO di Terengganu agak tergugat dengan kemunculan parti PAS yang telah ditubuhkan pada tahun 1951. Ketika kerajaan negeri yang ditunjangi UMNO sedang rancang menjalankan

aktiviti-aktiviti pembangunannya, parti PAS pula mencari tapak di negeri Terengganu sejak tahun 1956 selepas kukuh di Kelantan. Daerah pertama yang mendapat perhatian daripada parti itu ialah Dungun dan ia terus melebarkan pengaruhnya ke daerah-daerah lain. Kejayaan PAS bertapak kukuh di beberapa buah daerah di negeri itu membayangkan bahawa rakyat Terengganu telah dapat menerima parti yang meletakkan Islam sebagai landasan perjuangannya. Sokongan masyarakat Melayu Terengganu ini telah memendekkan hayat pemerintahan parti Perikatan apabila parti itu tewas mengejut kepada PAS dalam pilihan raya tahun 1959 bagi kedua-dua kerusi DUN dan Parlimen. PAS mendapat tiga belas kerusi DUN daripada 24 yang dipertandingkan dan empat kerusi daripada enam yang dipertandingkan pada peringkat parlimen. Parti Perikatan hanya menang tujuh kerusi negeri dan hanya satu sahaja kerusi parlimen manakala prestasi Parti Negara yang dipimpin Dato Onn Jaafar juga memberangsangkan apabila memenangi empat kerusi negeri dan satu kerusi parlimen. Kemenangan PAS ini adalah sesuatu yang di luar jangkaan bukan sahaja kalangan pemimpin UMNO bahkan kalangan pemimpin PAS sendiri kerana boleh dikatakan PAS adalah parti yang baharu setahun jagung usianya di Terengganu berbanding UMNO dan parti-parti lain.

Kemenangan tidak diduga PAS ini bukanlah disebabkan kegagalan kerajaan Perikatan memikat hati pengundi Terengganu menerusi rancangan pembangunan tanah dan ekonominya tetapi lebih kepada kecenderungan rakyat Terengganu kepada parti politik bercorak Islam yang mendokong asas Islam dalam perjuangannya. Sekiranya penilaian dibuat ke atas dasar ekonomi kerajaan Perikatan sebelum ini, walaupun ianya belum mampu menarik keluar masyarakat Melayu negeri itu daripada lembah kemiskinan, namun dalam jangka panjang dipercayai ianya mampu memberi manfaat yang tidak sedikit kepada mereka. Dalam jangka masa lima tahun adalah agak sukar untuk mengukur kejayaan atau kegagalan rancangan pembangunan tanah dan ekonomi yang dijalankan, terutamanya yang melibatkan rancangan yang besar seperti FELDA. Oleh yang demikian, rakyat Terengganu khususnya masyarakat Melayu dilihat sebagai menginginkan perubahan dalam pentadbiran negeri dengan memilih parti baru untuk memerintah.

Terengganu di bawah PAS (1959-1961)

Kerajaan PAS Terengganu bukan sahaja memikul tanggungjawab yang besar sebagai kerajaan negeri yang baharu tetapi juga berhadapan dengan kesulitan untuk mendapat kelulusan rang undang-undang baharu yang dirangka dalam DUN lantaran kemenangan tipis selain tidak memperoleh majoriti dua pertiga di dalam Dewan Mesyuarat Negeri. Tanpa kelulusan DUN, rang undang-undang itu tidak boleh dilaksanakan dan perkara ini akan menjejaskan pentadbiran. Kesulitan ini ditambah lagi dengan ketiadaan pengalaman mentadbir sesebuah negeri seperti Terengganu. Kemenangan tipis parti itu

dalam pilihan raya membayangkan bahawa kedudukan PAS sebenarnya belum mantap lagi. Keadaan ini membuatkan parti yang baharu mendapat mandat itu seperti hilang arah dalam mengemudi pentadbiran dan ekonomi Terengganu yang masih dalam proses pembangunan untuk bersaing dengan negeri-negeri yang lain. Ketidaksediaan parti PAS untuk memerintah terserlah apabila parti itu gagal mencari calon yang sesuai dan yang mendapat perkenan Sultan Terengganu untuk dilantik sebagai Menteri Besar. Kemelut dalaman yang berpunca daripada perebutan jawatan tertinggi dalam kerajaan negeri itu mengambil masa yang agak lama untuk diselesaikan. Akhirnya Daud Samad, anak kelahiran Terengganu telah mendapat perkenan Sultan sebagai Menteri Besar (MB) walaupun pada peringkat parti beliau mendapat undian yang paling rendah.²¹ Sementara Ahmad Azam, Pesuruhjaya Negeri yang disifatkan sebagai calon yang paling layak untuk jawatan MB pula dilantik sebagai exco kerajaan negeri. Walaupun akhirnya Menteri Besar yang baharu berjaya dilantik setelah tiga bulan, lantikan itu tidak dapat memuaskan hati beberapa pemimpin kanan parti yang juga bercita-cita untuk menjawat jawatan penting itu. Ketidapuasan hati menjadi lebih bercelaru apabila diterjemahkan secara terbuka hingga menimbulkan krisis politik yang berpanjangan apabila timbul isu lain yang turut berkait. Konflik ini tidak berkesudahan sehinggalah kerajaan PAS digulingkan oleh undi tidak percaya pada bulan Oktober 1961.

Konflik yang berlaku memang sukar untuk dihuraikan kerana melibatkan banyak pihak dan faktor. Oleh yang demikian, jalan penyelesaian kepada konflik yang berlaku juga sukar dicari. Pemimpin-pemimpin PAS pusat tidak putus-putus berusaha untuk menyelesaikan konflik yang timbul bersilih ganti dan seterusnya cuba menyelamatkan kerajaan PAS yang goyah sejak hari pertama memerintah Terengganu.²² Walau bagaimanapun, tanpa kerjasama pihak yang bertelingkah, usaha itu menjadi sia-sia belaka. Daud Samad, selaku Menteri Besar Terengganu kelihatan tidak berupaya untuk mengendalikan orang-orangnya daripada bertelagah sesama sendiri sehingga menjejaskan kepercayaan rakyat Terengganu terhadap keupayaan kerajaan baru itu untuk memerintah dan melaksanakan pembaharuan yang telah dijanjikan ketika kempen pilihan raya yang lalu.

Konflik yang bermula dengan isu calon menteri besar itu kemudiannya merebak kepada perebutan jawatan nombor dua iaitu Timbalan Menteri Besar yang seharusnya diberikan kepada pesuruhjaya PAS negeri Terengganu, Ustaz Ahmad Azam. Namun begitu, sekali lagi atas alasan bahawa dia bukan anak negeri Terengganu, maka ramai kalangan ahli-ahli PAS tidak bersetuju dengan pencalonan beliau (Ismail Ibrahim 1980/81:23). Kececewaan Ahmad Azam tergambar apabila menolak pelantikan beliau sebagai exco kerajaan negeri. Keadaan bertambah tegang apabila speaker dewan negeri, Mohd Taib Sabri, juga inginkan jawatan tersebut. Bagi kerajaan pimpinan Daud Samad perlantikan Timbalan Menteri Besar bukanlah sesuatu hal yang terlalu penting untuk didahulukan berbanding hal-hal pentadbiran. Namun, individu yang

berhasrat untuk menjadi merebut jawatan itu tetap menyuarakan rasa tidak puas hati kerana Daud Samad gagal untuk mencapai kata putus. Kesulitan Menteri Besar dalam membuat keputusan memang telah disangka kerana apapun keputusan beliau, ia akan melibatkan PAS Terengganu secara keseluruhannya.

Ahli-ahli PAS pada peringkat bawahan terbahagi kepada beberapa kumpulan, ada yang menyokong Ahmad Azam, ada yang menyokong Mohd Taib Sabri dan ada yang berkecuali. Konflik yang berterusan terus menjadi hangat apabila media cetak digunakan untuk meluahkan perasaan tidak puas hati masing-masing. Pergeseran yang bermula dengan perebutan jawatan dalam kerajaan beralih kepada konflik peribadi antara Mohd Taib Sabri dan Ahmad Azam yang berbaur dengan pelbagai tuduhan. Kepimpinan Daud Samad yang disifatkan sebagai lembab dan tidak mempunyai karisma sebagai ketua keajaan negeri Terengganu telah dikecam hebat oleh kedua-dua individu ini. Antara isu yang dibangkitkan oleh Ahmad Azam ialah kegagalan Daud Samad mengemukakan Rang Undang-Undang Islam untuk diguna pakai oleh kerajaan negeri Terengganu seperti yang terkandung di dalam manifesto pilihan raya (*Berita Harian* 12 November 1961). Namun, bagi Menteri Besar Terengganu itu, ia adalah sesuatu yang mustahil untuk Rang Undang-Undang Islam mendapatkan kelulusan Dewan Undangan Negeri kerana PAS tidak mempunyai undi majoriti dua pertiga di dalam dewan itu, sesuatu yang dimaklumi sendiri oleh Ahmad Azam (Azmah Abdul Manaf 2007:224-230).

Kemuncak daripada ketidakpuasan hati mereka yang bertelagah, Ahmad Azam mengisytiharkan keluar daripada parti. Tindakan Ahmad Azam ini telah menggugat keutuhan kerajaan PAS buat pertama kalinya apabila undi tidak percaya telah dijalankan pada bulan November 1960 namun ia terselamat daripada disingkirkan apabila beliau tidak mengundi bagi pihak pembangkang. Namun hal ini tidak menjanjikan keselamatan yang lama kepada kerajaan apabila seorang demi seorang daripada ahli dewan negeri keluar daripada parti. Lebih menggugat kedudukan PAS dalam kerajaan ialah apabila ada yang keluar parti dan masuk UMNO. Keadaan ini sebenarnya sangat menguntungkan UMNO apabila jumlah wakilnya bertambah manakala wakil PAS semakin berkurangan.

Sebagai usaha untuk menyelamatkan kedudukannya, kerajaan PAS cuba mewujudkan kerajaan campuran dengan Parti Negara yang diketuai Dato' Onn Jaafar. Namun demikian, perkongsian kuasa yang dicadangkan itu tidak menjadi realiti akibat pertembungan kepentingan politik dan kuasa parti masing-masing (Ismail Ibrahim 1980/82:62-66). Kegagalan kerjasama ini tidak bermakna bahawa kerajaan negeri telah mantap sebaliknya pergeseran masih berterusan dan kali ini yang lebih memainkan peranan ialah Mohd Taib Sabri. Beliau yang masih menyimpan hasrat untuk jawatan Timbalan Menteri Besar akhirnya menulis surat perletakan jawatan sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri pada April 1961. Walaupun masih kekal dalam parti tetapi beliau bertindak membelakangkan parti apabila berkempen untuk calon Parti

Negara dalam pilihan raya kecil Kuala Terengganu yang diadakan pada Jun 1961 berikutan kematian Dato' Onn Jaafar. Tindakan ini berpunca daripada tuduhan pemimpin PAS bahawa beliau menimbulkan isu perkauman (Berita Harian 21 Jun 1961).

Pada masa yang sama, pentadbiran negeri terjejas teruk. Majlis Mesyuarat Negeri kerap kali tidak dapat diadakan atas keuzuran Menteri Besar. Banyak urusan negeri tergendala sehingga membimbangkan Sultan. Percubaan Sultan untuk bertemu dengan Menteri Besar seringkali gagal kerana Menteri itu dikatakan mengelakkan diri daripada bertemu baginda. Akhirnya dengan nasihat daripada pimpinan tertinggi UMNO, Sultan dikatakan memainkan peranan untuk memujuk dua orang ahli dewan undangan negeri PAS keluar daripada parti itu dan menyertai UMNO. Hal Ini membolehkan undi tidak percaya diadakan untuk menggulingkan kerajaan PAS yang dilihat sudah tidak mampu lagi menguruskan pentadbiran negeri. Secara tidak langsung Sultan telah melibatkan diri dalam konflik politik yang berlaku.²³ Walau bagaimanapun penglibatan Sultan ini boleh difahami dari sudut kekusaran baginda di atas pentadbiran negeri yang tidak berjalan dengan lancar akibat konflik dalaman PAS yang tidak putus-putus itu. Kerajaan PAS yang diketuai oleh Daud Samad terpaksa melepaskan kerajaan negeri kepada Perikatan yang memiliki ahli dewan undangan negeri yang mencukupi setelah kesemua ahli dewan dari Parti Negara melompat ke dalam UMNO dan dua orang ahli PAS juga berbuat demikian. Untuk tidak memanjangkan lagi masalah dalaman negeri Terengganu, Sultan Terengganu menolak untuk mengadakan pilihan raya sekali lagi lalu memberikan mandat memerintah kepada parti Perikatan.

Perkembangan Ekonomi Terengganu Semasa Pentadbiran PAS 1959 – 1961

Bersabit dengan konflik dalaman PAS yang berpanjangan sejak memegang tampuk pemerintahan negeri, perjalanan pentadbiran negeri terjejas seperti yang disebutkan tadi dan perkembangan ekonomi negeri tidak terkecuali. Dalam banyak perkara kerajaan PAS hanya meneruskan rancangan pembangunan tanah dan pelan ekonomi yang telah dilancarkan oleh kerajaan sebelumnya. Di samping kekurangan pengalaman dalam menerajui kerajaan negeri, suasana politik yang kacau bilau dan jumlah ahli dewan undangan negeri yang tidak mencukupi, telah menyukarkan kerajaan negeri untuk mendapatkan kelulusan bagi rancangan baharu yang hendak dijalankan seperti yang telah dijanjikan dalam manifesto pilihan raya yang lalu. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak \$207 juta untuk pembangunan fizikal dan spiritual dalam belanjawan tahun 1960 (Aida Tengah 1997/98:15). Antara projek yang telah dirancang ialah pembinaan terusan di Paya Merjo dalam daerah Kuala Terengganu. Namun rancangan itu tidak dapat dijalankan kerana banjir yang sering terjadi.²⁴ Walaupun telah ditunda pada tahun berikutnya,

projek itu tidak menjadi kenyataan apabila kerajaan PAS ditumbangkan.

Kerajaan PAS cuba untuk menyelesaikan permohonan tanah yang diterima daripada rakyat Terengganu dalam masa yang singkat memandangkan ratusan permohonan tanah yang dibuat semasa kerajaan Perikatan masih tidak diproses dan dalam masa yang sama permohonan baharu terus diterima. Atas dasar untuk mempercepat proses menyelesaikan permohonan ini, Menteri Besar telah mewujudkan satu jawatankuasa khas untuk memproses permohonan tanah berskala besar. Ahli Jawatankuasa itu terdiri daripada beberapa orang exco kerajaan negeri, pegawai-pegawai daerah, seorang ahli Dewan Undangan Negeri daripada Parti Negara dan seorang daripada Perikatan. Walau bagaimanapun kerjasama yang diharapkan daripada ADUN Parti Negara dan Perikatan tidak kesampaian apabila kedua-duanya meletakkan jawatan atas alasan tertentu.²⁵ Peletakan jawatan ini bagaimanapun tidak menjejaskan matlamat jawatankuasa yang ditubuhkan kerana dikatakan bahawa ia telah berjaya memproses dan meluluskan begitu banyak sekali tanah kepada rakyat Terengganu yang memohon (Azmah Abdul Manaf 2007:288).

Usaha kerajaan PAS untuk cuba meluluskan seberapa banyak tanah pertanian yang dipohon oleh rakyat Terengganu sangat jelas dan mendapat kerjasama daripada pejabat tanah daerah. Malahan, boleh dikatakan bahawa jumlah tanah yang diluluskan oleh kerajaan PAS lebih banyak berbanding yang diluluskan oleh kerajaan terdahulu. Contohnya pada Mei 1959 ketika kerajaan Perikatan memerintah, jumlah tanah yang diluluskan permohonannya di Ulu Terengganu adalah sebanyak 63.793 ekar untuk tanaman getah manakala 125,176 ekar untuk padi. Pada bulan Oktober tahun yang sama ketika Terengganu dikuasai oleh PAS, sebanyak 180.242 ekar tanah telah diluluskan untuk getah dan 113.749 untuk padi.²⁶ Di daerah Besut pada bulan Oktober sebagai contoh, kerajaan PAS telah meluluskan sebanyak 206.088 ekar tanah untuk getah manakala hanya 65.226 ekar yang diluluskan pada bulan Mei untuk tujuan yang sama. Jika ditinjau, kerajaan PAS lebih cenderung untuk meluluskan lebih banyak tanah untuk tanaman getah berbanding untuk padi dan buah-buahan tempatan. Kerajaan negeri melihat potensi tanaman getah sebagai tanaman komersial yang akan mendatangkan hasil untuk menambah pendapatan petani dan juga kerajaan.

Walaupun berhadapan dengan kemelut politik yang berpanjangan, kezaman kerajaan PAS untuk membangunkan ekonomi negeri Terengganu tetap ada, namun bantuan kewangan yang sewajarnya diterima daripada kerajaan pusat; selaras dengan peruntukan yang mesti disalurkan kepada kerajaan negeri untuk pembangunan Terengganu telah dinafikan. Perbezaan politik antara kerajaan negeri (PAS) dengan kerajaan persekutuan (Parti Perikatan) adalah penyebab utama kepada timbulnya masalah ini kerana bukan sahaja kerajaan Terengganu yang mengalami masalah ini tetapi juga Kelantan yang diterajui oleh PAS (Shafruddin 1987). Sebaliknya pula dalam usaha untuk terus memenangi hati rakyat Terengganu, kawasan atau daerah

yang telah memilih calon daripada parti Perikatan, mereka telah diberi bantuan kewangan yang mencukupi untuk tujuan pembangunan. Contohnya di daerah Kemaman, kawasan Ibrahim Fikri, telah menerima peruntukan daripada kerajaan pusat sebanyak \$400,000 untuk pembinaan jalanraya, jambatan dan sekolah serta \$38,000 lagi untuk masjid. Sementara di Besut pula, ia telah menerima peruntukkan sebanyak \$387,000 untuk pembangunan, \$15,000 untuk masjid dan \$25,000 untuk balairaya (Ness 1967:217). Barangkali ini adalah strategi politik untuk menarik perhatian pengundi-pengundi di daerah lain untuk kembali menyokong Perikatan dan strategi ini terbukti berjaya apabila dalam pilihan raya 1964, parti Perikatan menang besar.

Berhadapan dengan pelbagai halangan untuk meneruskan projek-projek yang telah dirancang, kerajaan PAS tetap berusaha untuk melaksanakan pembangunan negeri itu misalnya mereka telah memperuntukkan sebanyak \$250,000 untuk menaiktaraf sistem pengangkutan di negeri Terengganu yang memang diketahui tidak begitu baik. Rancangan ini termasuklah memperbaiki jalan yang sedia ada, membina jalanraya baru dan membina jambatan. Walau bagaimanapun, oleh kerana projek-projek ini mengambil masa yang lama untuk disiapkan, ia tidak dapat disempurnakan apabila kerajaan yang ada telah digulingkan pada Oktober 1961. Dikatakan bahawa kerajaan PAS hanya berjaya membina beberapa batu jalanraya sahaja sepanjang tempoh pemerintahannya (Aida Tengah 1997/98:15). Pencapaian yang tidak memberangsangkan ini bukan setakat melibatkan prasarana fizikal malahan perkembangan industri penanaman getah. Biarpun banyak tanah getah telah diluluskan tetapi oleh kerana proses penanamannya yang mengambil masa yang lama, ia tidak dapat meningkatkan hasil keluaran semasa. Jika adapun hasil keluaran mutunya tidak mencapai tahap atau *standard* yang diharapkan seperti yang berlaku di Marang dan Kuala Terengganu.²⁷ Penanam getah pula seperti tidak serius dalam industri ini kerana membiarkan ladang atau kebun getah mereka ditumbuhi denganalang.²⁸

Oleh yang demikian bolehlah dikatakan bahawa pencapaian ekonomi Terengganu pada zaman pemerintahan PAS tidak memberangsangkan. Selain menghadapi krisis politik yang berpanjangan yang menjejaskan kelancaran pentadbiran, tempoh masa yang sangat singkat dalam menerajui kerajaan negeri adalah jawapan yang paling tepat untuk menggambarkan kegagalan ini. Masalah kesihatan yang sering membelenggu Menteri Besarnya hingga menyebabkan banyak urusan pentadbiran negeri tidak dapat diambil tindakan dengan segera, menambahburukkan lagi keadaan.

Terengganu Di bawah Perikatan 1962 – 1969

Berbeza dengan PAS, sebaik sahaja Perikatan berjaya mengambil alih tampuk pentadbiran negeri, mereka telah mengisytiharkan pelbagai projek pembangunan tanah dan ekonomi bagi negeri Terengganu. Sebanyak \$5.5 juta

wang telah diperuntukkan untuk tujuan itu hanya untuk tahun 1962 sahaja termasuk \$2.5 juta untuk pembinaan sekolah baharu. Tumpuan utama kerajaan negeri ialah pembinaan pelbagai jenis kemudahan awam di setiap kampung dan mukim seperti balairaya, masjid/surau, sekolah, klinik kesihatan, perigi dan lain-lain lagi. Di Kuala Terengganu contohnya, sebanyak \$140,000 telah diperuntukkan untuk membina dan memperbaiki balairaya, \$18,095 untuk menggali perigi baharu, \$75,000 untuk membina sebuah masjid baharu serta memperbaiki masjid yang sedia ada, \$28,879 untuk membina sepuluh jalan kampung yang baharu dan \$23,360 untuk membina lapan buah jambatan.²⁹ Sebahagian besar peruntukan untuk tahun 1962 ini datangnya daripada kerajaan pusat. Pelbagai projek dilancarkan dipercayai untuk memenangi hati rakyat Terengganu agar memilih mereka dalam pilihan raya yang akan datang. Kesungguhan kerajaan negeri untuk merealisasikan projek-projek yang telah dirancang ini terserlah apabila antara tahun 1963 hingga menjelang pilihan raya 1964, sebanyak 36 buah balairaya dan tujuh buah masjid telah siap dibina dan dibaiki. Ibrahim Fikri selaku Menteri Besar telah turun padang merasmikan pembukaan setiap balairaya dan masjid berkenaan.³⁰ Usaha ini adalah untuk memastikan bahawa rakyat Terengganu benar-benar nampak akan kesungguhan kerajaan pimpinan beliau dalam menaikkan taraf hidup dan menyediakan kemudahan awam kepada mereka dan bagaimana prihatinnya beliau tentang kebajikan rakyat Terengganu.

Pembangunan tanah merupakan satu perkara yang tidak dilupakan oleh kerajaan Perikatan. Selain daripada penerusan dan pembukaan tanah baharu untuk rancangan FELDA, Rancangan Tanah Pinggiran yang dilancarkan dan dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan pusat pada tahun 1961 juga telah dilancarkan di Terengganu. Tiga belas kawasan tanah yang belum diteroka telah disenaraikan untuk projek tanah pinggiran ini; tiga di daerah Kemaman, dua di Dungun, dua di Marang, empat di Kuala Terengganu dan satu masing-masing di Ulu Terengganu dan Besut. Projek ini melibatkan sebanyak 8,625 ekar tanah yang belum diteroka dan seramai 1360 penduduk akan terlibat sebagai peneroka.³¹ Sebahagian besar tanah ini akan ditanam dengan getah dan tanaman komersial yang lain. Walau bagaimanapun, dalam keghairahan kerajaan melancarkan projek itu ia telah mengabaikan aspek-aspek teknikal dan kesesuaian tanah hingga banyak projek baru yang dilancarkan menemui kegagalan. Dalam Rancangan Tanah Pinggiran, selain daripada masalah tanah yang dipilih tidak sesuai,⁵¹ tempoh masa yang singkat diberikan oleh kerajaan negeri untuk menjayakan projek ini serta kesediaan petani yang terpilih pula tidak mencukupi dari segi latihan pertanian, menyebabkan sesetengah rancangan ini menimbulkan kerugian bukan sahaja pada pihak kerajaan tetapi juga rakyat Terengganu yang terlibat apabila tanah-tanah ini terbiar tidak diusahakan seperti yang dirancang (Guyot 1971:372).

Jadual 1: Rancangan Tanah Pinggiran tahun 1962 di Terengganu

| Kawasan | Daerah | Keluasan/ekar | Peneroka |
|----------------------|------------------|---------------|----------|
| Ayer Puteh | Kemaman | 380 (100)* | 16 |
| Semanyor | Kemaman | 300 (217)* | 30 |
| Bagos | Kemaman | 370 (284)* | 46 |
| Pintu Gerbang | Dungun | 660 (757)* | 114 |
| Kampong Tepus | Dungun | 480 (418)* | 67 |
| Bukit Gerai | Marang | 790 (779)* | 129 |
| Lubuk Hampar | Marang | 700 (958)* | 154 |
| Sungai Chepoh | Ulu Terengganu | 1100 (708)* | 110 |
| Bukit Tinggi Serdang | Kuala Terengganu | 525 (525)* | 115 |
| Bukit Gedok | Kuala Terengganu | 750 (704)* | 154 |
| Bt 18 Jalan Kelantan | Kuala Terengganu | 670 (500)* | 106 |
| Bukit Sudu | Kuala Terengganu | 500 (825)* | 180 |
| Kampong Dengir | Besut | 1000 (885)* | 139 |
| Jumlah | | 8625 (7660)* | 1360 |

* Angka yang diberikan dapat kurungan itu adalah jumlah sebenar tanah yang diusahakan.
(Sumber: S.A.O.T. 325 A, Rancangan Tanah Pinggiran 1962)

Walaupun terdapat kekurangan dalam pelaksanaan pembangunan ekonomi negeri, usaha kerajaan Perikatan untuk menambat hati rakyat Terengganu dengan program pembangunannya telah berjaya. Keyakinan rakyat Terengganu terhadap keperihatinan kerajaan Perikatan jelas terbukti apabila parti itu menang besar dalam pilihan raya yang diadakan pada tahun 1964. Daripada 24 kerusi negeri yang dipertandingkan parti Perikatan berjaya memperoleh sebanyak 21 kerusi manakala bagi kerusi parlimen, lima kerusi telah dimenangi daripada enam yang dipertandingkan. PAS hanya memenangi tiga kerusi negeri dan satu kerusi parlimen, manakala parti-parti lain tidak memenangi sebarang kerusi. Kepercayaan rakyat Terengganu terhadap PAS sangat merosot dan ini dapat digambarkan dengan jumlah undi yang diperolehi oleh calon PAS. Contohnya bagi kerusi Binjai yang dimenangi pada pilihan raya 1959 dengan jumlah undi sebanyak 1874, untuk tahun 1964 calon PAS hanya mendapat 154 undi sahaja. Di tempat lain tidak dinafikan bahawa walaupun calon PAS kalah tetapi jumlah undi yang diterima adalah lebih tinggi berbanding sebelumnya dan keadaan ini boleh dikatakan kerana prestasi Parti Negara yang semakin merosot sejak kematian Dato' Onn dan tiada parti lain yang bertanding. Di tiga kerusi yang di menangi oleh PAS, majoriti undi yang diperolehi sangat kecil. Contohnya di Ulu Dungun, tapak kukuh parti itu, majoriti undinya hanya 17 sahaja. Ternyata sekali rakyat Terengganu seperti mahu menghukum PAS atas kegagalan mereka merealisasikan janji mereka sewaktu kempen pilihan raya 1959 dahulu ketika mereka memegang tampuk pemerintahan.

Bagi parti Perikatan pula, kejayaan ini membuktikan bahawa usaha dan wang ringgit yang dilaburkan selama dua tahun lalu telah membuahkan hasil yang memberangsangkan. Walau bagaimanapun, kerajaan pimpinan Ibrahim Fikri tidak hanya bergantung kepada projek-projek ekonomi dan pembangunan semata-mata sebaliknya mereka tetap bersedia dari aspek lain

ketika menentang PAS dalam pilihan raya berkenaan. Memikirkan bahawa Islam menjadi landasan perjuangan parti itu maka UMNO telah memilih calon-calon yang mempunyai latar belakang pendidikan agama yang baik untuk bertanding. Antara mereka termasuklah Abdullah bin Abdul Rahman, Wan Kadir Ismail, Ahmad Omar dan Wan Mokhtar Ahmad yang kemudiannya menjadi Menteri Besar Terengganu pada tahun 1974 (Kamlin 1977:26). Isu-isu agama juga menjadi bahan kempen yang kebanyakannya memberi impak yang besar kepada PAS sebagai parti bertunjangkan Islam. Malahan keperibadian calon PAS yang bertanding juga menjadi taruhan apabila ada yang dituduh berkhalwat (*Berita Harian* 20 Mac 1964) dan terlibat dengan perbuatan mencabul kehormatan wanita (Ratnam & Milne 1969:123). Tuduhan-tuduhan seperti ini sudah pasti membuatkan pengundi Islam di Terengganu mempersoalkan kredibiliti PAS sebagai sebuah parti Islam dan mereka sudah tentu berasa sangsi untuk terus mengundi PAS. Dipercayai bahawa sedikit sebanyak kempen dan tuduhan ini telah menyumbang kepada kekalahan teruk PAS di tangan Perikatan di samping kegagalan mereka semasa memegang tampuk pemerintahan negeri sebelum ini.

Walau bagaimanapun, kemenangan besar parti Perikatan pada pilihan raya 1964 dikatakan telah sedikit sebanyak menjejaskan motivasi kerajaan Perikatan pimpinan Ibrahim Fikri untuk terus membangunkan negeri itu dengan rancak. Berdasarkan catatan rekod, kadar pembangunan negeri dalam setiap aspek terutamanya yang berkaitan dengan pembahagian tanah persendirian untuk tujuan pertanian tidak sehebat dahulu. Barangkali kerajaan lebih cenderung meluluskan tanah untuk projek-projek yang mendapat bantuan kewangan daripada kerajaan pusat daripada memberi peluang kepada rakyat Terengganu mengusahakan tanah secara persendirian. Barangkali juga kerajaan memikirkan bahawa tidak perlu terburu-buru dalam melancarkan projek-projek ekonomi dan pembangunan infrastruktur kerana mereka masih mempunyai banyak masa sehingga pilihan raya yang akan datang.

Ketika kerancangan ekonomi Terengganu mengalami sedikit kemerosotan sejak tahun 1966, rakyat negeri itu telah dikejutkan dengan tuduhan rasuah dan salah guna kuasa yang dilakukan oleh kerajaan Ibrahim Fikri. Menteri Besar khususnya dilaporkan mempunyai banyak lesen melombong dan giat mengumpul harta. Beliau dikatakan memiliki sebuah rumah mewah di Batu Rakit yang dikatakan lebih besar daripada istana Sultan. Tuduhan yang dibangkitkan oleh bukan sahaja pihak pembangkang tetapi juga oleh ahli-ahli UMNO yang tidak berpuas hati dengan sikap Menteri Besar yang dikatakan terlalu berkuasa itu tidak berjaya ditangkis. Menjelang pilihan raya 1969, isu rasuah dan penyelewengan kuasa ini menjadi semakin hebat diperkatakan. Ibrahim Fikri digesa untuk tidak bertanding dalam pilihan raya tersebut memandangkan reputasinya yang tercalar dengan tuduhan seumpama itu. Walau bagaimanapun beliau tetap bertanding dan menang, namun pencapaian parti Perikatan dalam pilihan raya tersebut sangat merosot walaupun parti itu

berjaya mengekalkan kuasa. Ibrahim Fikri kembali menjawat jawatan Menteri Besar.

Dalam pilihan raya berkenaan, parti pemerintah hanya memenangi 13 kerusi sahaja dan hilang lapan kerusi yang dimenangnya pada pilihan raya 1964 kepada parti lawan iaitu PAS. Di sesetengah kerusi, Perikatan kehilangan banyak undi seperti di Bukit Besar. Pada pilihan raya 1964 kerusi itu dimenangnya dengan jumlah undi sebanyak 2079 tetapi pada pilihan raya 1969 jumlah undi yang diterima hanya 1610 manakala calon PAS mendapat sebanyak 2868 undi. Di Ulu Terengganu Timur pula, Perikatan menang dengan majoriti undi yang kecil iaitu 85 undi. Keputusan ini sangat memmeranjatkan parti Perikatan kerana kedudukan mereka sebagai kerajaan negeri tidak begitu kukuh kerana tidak mempunyai bilangan ahli dewan yang melebihi dua pertiga. Ibrahim Fikri walaupun dilantik semula sebagai Menteri Besar tetapi tidak lama kemudian beliau diminta meletak jawatan pada tahun 1970. Tidak diketahui sebab sebenar beliau meletak jawatan namun dipercayai ia ada kaitan dengan tuduhan rasuah dan salah guna kuasa olehnya. Langkah ini diambil untuk memulihkan imej UMNO khususnya dan Perikatan amnya di mata rakyat Terengganu.

Kesimpulan

Perkembangan politik dan ekonomi di Terengganu dalam tempoh selepas merdeka adalah saling pengaruh-mempengaruhi. Rakyat Terengganu didapati sangat peka dengan isu-isu persekitaran mereka terutama yang melibatkan agama, sahsiah politik dan perkembangan ekonomi yang akan memberi impak yang besar dalam kehidupan mereka. Rakyat Terengganu sangat teliti dalam memilih wakil rakyat setiap kali pilihan raya diadakan. Parti politik yang bertanding di negeri itu akan berasa kesan pada setiap pilihan raya jika mereka tersilap percaturan dalam menangani isu-isu penting yang menyentuh orang ramai kerana mereka dianggap pemimpin yang seharusnya memikul tanggungjawab sebagai pemimpin yang diamanahkan dan dipilih oleh rakyat. Biar pun agama merupakan isu penting yang menjadi tumpuan rakyat Terengganu ketika memilih wakil rakyat, isu-isu seperti pembangunan tanah dan ekonomi juga menjadi faktor penentu kepada kalah atau menang dalam pilihan raya. Dalam tempoh lima belas tahun dan yang melibatkan empat pilihan raya, keputusan-keputusannya amat berbeza. Rakyat Terengganu dalam tempoh itu benar-benar memanfaatkan pilihan raya sebagai medan penentu jatuh bangun sesebuah parti politik di negeri itu.

Nota Akhir

1. Antara yang boleh disebutkan ialah tulisan Kessler (1978), Hussain Muhammad (1982), Adnan Mohd Noor (1974), Alwee Jantan (1958), dan M. Kamlin (1977).
2. Antara yang boleh disebutkan di sini ialah tulisan dan kajian oleh Sheppard (1985), Shaharil Talib Robert (1984), Abdullah Zakaria Ghazali (1974, 1984, dan 1996).
3. Penglibatan ulama dalam istana dan pentadbiran Terengganu telah bemula sejak pemerintahan Sultan Zainal Abidin I (1925-1734). Lihat Azmah Abd Manaf (2007:45).
4. Dalam satu pertemuan antara Ibrahim Yaakob dengan orang-orang Terengganu di Kuala Terengganu, beliau telah ditanya dengan pelbagai soalan yang mengaitkan falsafah perjuangan partinya dengan Islam. Lihat Abdul Aziz Satar Khan (1984:122).
5. Dungun merupakan daerah pertama yang menerima pengaruh PAS di Terengganu diikuti dengan Kuala Terengganu, Kemaman (1957) dan Besut (1958).
6. Annual Report of the British Agent for the year 1918, hlm. 5.
7. *Annual Report of the British Agent for the year 1915*, hlm. 2.
8. Land of Kemaman Office, LOK 268/262, Pekeliling Kerajaan dalam tahun 2602.
9. A.O.E., 26/1950, Committee's Report, hlm. 9-10.
10. S.A.O.T. 76/57, Alienation of State land for Rubber Planting, hlm. 1.
11. S.O.A.T. 7/56, Acreages of Approved Application during 1956, 1957.
12. S.A.O.T. 80/55, surat daripada Pejabat Pertanian Negeri kepada Setiausaha Negeri bertarikh 6hb Disember 1958.
13. S.A.O.T. 8/59, Rural Training Centre
14. S.A.O.T. 45/55, Extract from Alliance Platform for the Federal Elections.
15. S.A.O.T. 111/58, New Planting Scheme Sungai Tong, Kemaman.
16. S.A.O.T. 55/59, FLDA Jerangau Oil Palm Scheme.
17. S.A.O.T. 95/58, New Tali Ayer at Batu Burok Kuala Terengganu.
18. S.A.O.T. 70/59, Living Conditions of People at Kampong Sekayu Mukim Tesat.
19. N.E. Fish 14/50, surat daripada wakil UMNO Pantai Telok kepada Setiausaha UMNO bertarikh 28 Julai 1959.
20. N.E. Fish 14/50, a letter from UMNO Pantai Telok Representative to Secretary of UMNO dated 28 July 1959.
21. Dalam undian peringkat parti Daud Samad hanya menerima tiga undi, manakala saingannya Ahmad Azam Pesuruhjaya PAS Negeri mendapat 19 undi. Ahmad Azam bagaimanapun tidak mendapat perkenan Sultan dikatakan kerana dia bukan anak kelahiran Terengganu.

22. SP/28/A/45, Kertas-Kertas Khas PAS 1959-1961, Laporan Atas usaha Menchari Persefahaman di Kalangan PAS Terengganu.
23. SP/28/A/46, Kertas-Kertas PAS, 1962-1972, Memorandum Suruhanjaya Menyasihat Hal Terengganu, hlm. 2.
24. DOK. Tr. 879(1), Peringatan Mesyuarat yang ke Sembilan Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar daerah Kuala Terengganu, 23.2.1961 dalam SP/28/A86
25. Alasan perletakan jawatan mereka adalah kerana mereka tidak mahu Pegawai Daerah menjadi ahli jawatankuasa itu sebaliknya mahukan Pesuruhjaya Tanah dan Galian.
26. S.A.O.T. 32/59, Acreages of Approved Application for 1959.
27. S.A.O.T./PPN Tr. 246, Annual Report 1960
28. S.A.O.T./PPN Tr. 246, Annual Report 1960
29. S.A.O.T. 315, Senarai Projek-Projek P.L.B. yang dilaksanakan dalam daerah Kuala Terengganu pada tahun 1962.
30. S.A.O.T. 315, Pembukaan Balai-balairaya.
31. S.A.O.T. 325 A, Ranchangan Tanah Pinggiran 1962.
32. S.A.O.T. 325 A, Laporan Ranchangan Tanah Pinggiran 1962.

Rujukan

- Abdul Aziz Satar Khan. 1984. Terengganu 1940-1945: Satu kajian mengenai kemunculan golongan kiri Melayu. Dalam Abdullah Zakaria Ghazali (pnyt.). *Terengganu, dahulu dan sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Abdullah Zakaria Ghazali. 1974. Kekacauan dan kebangkitan Terengganu 1921-1928. Tesis M.A., Jabatan Sejarah, University Malaya.
- Abdullah Zakaria Ghazali. 1977. Sarekat Islam di Terengganu. *Malaya in History* 20(2): 20-27.
- Abdullah Zakaria Ghazali. 1984. *Terengganu, dahulu dan sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Abdullah Zakaria Ghazali. 1996. *Pentadbiran tentera Jepun dan Thai di Terengganu 1942-1945*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Administration of the East A.O.E 1950.
- Adnan Mohd Noor. 1974. Perjuangan Dato' Ibrahim Fikri dalam arena politik di Negeri Trengganu. Lathian Ilmiah, University Malaya.
- Aida Tengah. 1997/98. Pemerintahan dan corak politik Melayu di Terengganu dari tahun 1957-1997. Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alwee Jantan. 1958. Trengganu 1945-57: A study in political development. Academic Exercise, University of Malaya, Singapore.
- Annual Report 1960.
- Annual Report of the British Agent for the year 1915.*

- Annual Report of the British Agent for the year 1918.*
- Azmah Abd Manaf. 2007. History of Terengganu 1942-1973 with special reference to Islam, politics and socio-economic development. PhD thesis, Charles Darwin University, Australia.
- Berita Harian.* 1961. 1964.
- Clifford, H. 1938. *Expedition: Trengganu and Kelantan: a report.* Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Press.
- Guyot, D. 1971. The politics of land: Comparative development in two states of Malaysia. *Pacific Affairs* 44: 368-389.
- Hussain Muhammad. 1982. Proses politik dan pilihanraya di Terengganu 1954-1978. *Malaysia Dari Segi Ssejarah* 11: 104-129.
- Ismail Ibrahim. 1980/81. Kejatuhan kerajaan PAS di Terengganu. Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.
- Kamlin, M. 1977. History, politics, and electioneering: The case of Trengganu, Department of History, University of Malaya (Kertas Penyelidikan yang tidak diterbitkan).
- Kessler, C. 1978. *Islam and politics in Malay state: Kelantan 1838-1969.* London: Cornell University Press.
- Mohd Sarim Haji Mustajab. 1979. Pergerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu 1906-1941. Dalam *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan.* Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Muhammad Abu Bakar (peny.). 1991. *Ulama Terengganu: Ssuatu sorotan.* Petaling Jaya: Utusan Publications & Distributors.
- Ness, G.D. 1969. *Bureaucracy and rural development in Malaysia,* Berkeley: University of California Press.
- Pejabat Daerah Kemaman D.O.K. 1961
- Pejabat Perikanan Terengganu siri N.E. Fish 1955-71
- Pejabat Pertanian Terengganu siri S.A.O.T. 1955-1962
- Pejabat Tanah Kemaman LOK 268/262
- Ratnam, K.J. & Milne, R.S. 1969. *The Malayan parliamentary election of 1964.* Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Safar Awang. 1984. Kemunculan parti-parti politik di Besut 1945-1970. Dalam Abdullah Zakaria Ghazali (pnyt.). *Terengganu dahulu dan sekarang.* Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Shafruddin, B.H. 1987. *The federal factor in the government and politics of Peninsular Malaysia.* Singapore: Oxford University Press.
- Shaharil Talib Robert. 1984. *After its own image.* Singapore: Oxford University Press.
- Sheppard, Mubin. 1985. *A short history of Trengganu.* Kuala Lumpur, MBRAS reprint no. 10.
- SP/28/A/45. Kertas-Kertas Khas PAS 1959-1961.
- SP/28/A/46. Kertas-Kertas PAS, 1962-1972.

Nota Biografi

Azmah Abd. Manaf (emel: azmah@usm.my) adalah Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia dalam bidang Sejarah Malaysia. Mendapat ijazah pertama dan Sarjana daripada USM serta ijazah kedoktoran daripada Charles Darwin University, Australia. Mula berkhidmat di PPPJJ pada 1991 sebagai guru. Minat penyelidikan adalah dalam sejarah politik dan sosial.